

Perubahan mendadak tidak

UM 7 MAR 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 6 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan generasi muda agar tidak terperangkap dengan idea untuk melakukan perubahan hanya kerana penonjolan beberapa kelemahan dalam negara.

Beliau memberi amaran bahawa perubahan yang berlaku secara mendadak tidak membawa pilihan dan penyelesaian yang sempurna.

Menurutnya, seringkali pilihan dan penyelesaian itu dikritik apabila didapati wujud ketidaksempurnaan dalam pelaksanaannya.

Apabila itu berlaku Dr. Mahathir percaya keseluruhan proses perubahan akan berulang semula.

"Rekayasa mendorong anjakan paradigma dan menggalakkan idea-idea baru tetapi perlu diingat idea dan dasar yang teruk dikritik hari ini merupakan idea dan penyelesaian yang terbaik pada masa lalu.

"Begitu juga idea baru hari ini akan menjadi sasaran kritikan pada masa depan," katanya ketika berucap melancarkan 'Siri Syarahan Pemuda (Dewan Profesional Muda Malaysia): Perspektif Masa Lampau, Paradigma Masa Depan' di sini malam ini.

Tegas beliau, matlamat Wawasan

2020 tidak akan dicapai jika hanya sebahagian daripada rakyat atau negara ini yang maju.

Bagi menjadikan wawasan itu bermakna, beliau menegaskan semua rakyat di segenap pelosok negara perlu mendapat manfaat daripada status negara maju yang akan dicapai kelak.

"Untuk itu, kita tidak boleh melaksanakan pelan yang seragam atau hanya satu strategi. Kita perlu memberi tumpuan kepada kapasiti segmen yang berbeza untuk mendapat faedah daripada pelan dan pembangunan tersebut," katanya.

Dalam hal ini, menurut Dr. Mahathir, yang masih menjadi kebimba-

bawa penyelesaian sempurna

ngan kerajaan ialah keupayaan orang Melayu dan bumiputera untuk memanfaatkan peluang yang disediakan untuk mereka.

"Mereka ini cenderung menyalahgunakan peluang dan menjadi terlalu bergantung (kepada kerajaan). Mereka gemar mencari jalan mudah, sehingga dasar dan pelan untuk pembangunan mereka menjadi gagal.

"Mereka berkemungkinan besar gagal kerana mempunyai nilai-nilai, etika dan budaya yang salah," katanya.

Bagi Perdana Menteri, semua kelemahan ini perlu diperbetulkan dengan usaha yang bersungguh-sungguh

walaupun mengambil masa agak panjang.

Menurutnya, satu daripada strategi yang diputuskan oleh kerajaan ialah melaksanakan meritokrasi bagi kemasukan pelajar ke universiti awam.

"Ia bukan disebabkan mereka tidak ada keupayaan. Cuma mereka tidak mencuba kerana memikirkan yang kerajaan sentiasa ada untuk membantu," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun yakin Wawasan 2020 dapat dicapai tetapi bukan dengan cara yang mudah.

Justeru beliau mengingatkan generasi muda yang bakal mewarisi

negara menyedari dan menghargai tanggungjawab mereka.

Beliau menarik perhatian kepada empayar terkemuka dalam sejarah supaya dapat dikaji punca kejatuhannya yang disebabkan oleh kehilangan stamina, perubahan nilai dan budaya serta kelemahan generasi pewaris.

"Hidup menjadi terlalu mudah dan tidak ada usaha untuk mengekalkan apa yang telah dibina. Ini menyebabkan kejatuhan empayar berkenaan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, perkara yang sama sedang berlaku di beberapa negara apabila perasaan selesa mula bertapak di hati rakyat khususnya generasi muda.